

Kenapa tindakan Pas Terengganu tak dipertikai

UMI 23 FEB 1999

KUALA LUMPUR 22 Dis. Tindakan Ahli Parlimen pembangkang keluar Dewan secara beramai-ramai bersabit isu notis memanggil mesyuarat pada hari pertama persidangan Isnin lalu, disifatkan sehagai kurang bijaksana dan mencerminkan sikap dwi-standard mereka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Firdaus Abdullah berkata: "Tindakan keluar Dewan itu kurang bijaksana kerana ia tidak melibatkan soal prinsip tetapi berkaitan isu yang masih memerlukan pentakrifan undang-undang dan belum dipastikan kesahihannya.

"Sikap dwi-standard pula terserlah kerana dalam mempertikaikan kesahihan mesyuarat Dewan Rakyat, mereka ter-

lupa bahawa kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Pas sendiri telah memutuskan beberapa perkara termasuk memansuhkan kutipan tol di Jambatan Sultan Mahmud, sebelum kerajaan negeri dibentuk."

Perkara tersebut tidak dijadikan isu di Terengganu kerana kerajaan Barisan Nasional (BN) memahami kedudukan Pas yang telah memenangi pilihan raya, kata Firdaus yang juga pensyarah sains politik di UM.

"Orang tidak bising sebab selepas sesuatu pihak itu memenangi pilihan raya, secara terang-terangan mahupun tersirat, dimaklumi bahawa mereka kalah yang berkuasa.

"Begitu juga halnya selepas BN memenangi pilihan raya umum dengan majoriti dua pertiga, secara tersirat dan jelas, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah bakal Perdana Menteri bagi kerajaan baru," katanya kepada *Utusan*.

Tegas beliau, tindakan dan keputusan yang diambil oleh Perdana Menteri adalah sah dan tidak patut dipersoalkan.

Dalam hal ini beliau kesal kerana pihak pembangkang yang diketuai oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, menggunakan ukuran berbeza dalam mendepani isu itu di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Kecewa

Firdaus membandingkan sikap pembangkang itu umpama pepatah lama: "Tiba di perut dikempiskan, tiba di mata dipejamkan. Di padang orang hendak berlari, di padang sendiri hendak berjingkit."

Beliau juga kecewa kerana isu notis memanggil mesyuarat yang dikatakan tidak mengikut Perlembagaan itu hanya mendapat perhatian Pas setelah ditimbulkan oleh bekas Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang.

"Tanpa disedari para pemimpin Pas telah membiarkan diri mereka diperbodoh-bodohkan oleh Kit Siang.

"Insiden ini amat memalukan kerana menggambarkan sikap kurang matang ahli politik Melayu dari pihak pembangkang," katanya.

Bagi Firdaus, beliau tidak akan mempertikaikan tindakan keluar Dewan diambil oleh Pas, jika mereka ingin mempertahankan prinsip yang diperjuangkan oleh parti itu seperti sistem pendidikan dan undang-undang Islam.

"Itupun Pas sebagai sebuah parti yang memperjuangkan cara hidup Islam patut mengesyorkan cara musyawarah daripada berpekik dan menjerit serta bertindak keluar Dewan," katanya.